

14/03/2001

Tamadun Melayu alami perubahan

iewed by Nur Abdullah

Judul: Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia

Tebal: 292 halaman (Edisi Baharu)

Penulis: A. Aziz Deraman

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka/2000

BUKU ini adalah kumpulan kertas kerja pilihan yang ditulis A Aziz Deraman dan telah dibentangkan dalam pelbagai seminar sama ada peringkat negeri, nasional mahupun antarabangsa. Pada asalnya buku ini diterbitkan oleh Penerbit Arena Ilmu Sdn Berhad, tetapi kini diterbitkan semula dengan beberapa kemasan yang perlu dengan julukan edisi baru oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ada 13 bab dalam buku ini yang membincangkan perkara yang berhubung dengan judul buku ini iaitu Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Antara bab-bab itu ialah Bangsa Bertamadun dan Identiti Kebangsaan; Kebudayaan dalam Pembinaan Bangsa Malaysia; Pembangunan Kebudayaan: Suatu Kemestian; Kebudayaan Kebangsaan Malaysia: Pengalaman Sejarah dan Arah; Kebudayaan Islam di Malaysia; Perpaduan Kaum daripada Aspek Kebudayaan; Kebudayaan Etnik dan Perpaduan Bangsa Menjelang 2020; Bahasa Asas Pembinaan Tamadun Bangsa; Tranformasi Budaya: Pengisian Wawasan 2020; Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dalam Menghadapi Wawasan 2020; Bahasa dan Kesusasteraan dalam Pembinaan Negara Bangsa, Wawasan 2020 dan Bangsa Malaysia dan akhirnya Pembangunan Kebudayaan dan Teknologi: Cabaran Kehidupan Abad ke-21.

Hampir semua tajuk yang dikumpulkan adalah mengarah kepada tajuk buku dan perbincangan yang diberikan memang amat menarik. Memang setiap tajuk yang diberikan pada hakikatnya boleh berdiri sendiri, namun ada bahagian yang menarik dan ada bahagian yang amat menarik.

Dalam bab pertama Aziz membentangkan sebuah kertas berjudul Bangsa Bertamadun dan Identiti Kebangsaan dan dalam ruang sejumlah tiga halaman Aziz membincangkan mengenai Siapa dan Apakah Melayu. Tidak dijawabnya dengan tegas siapakah Melayu itu, melainkan suatu perbincangan yang memang menarik sehingga diperlukan lagi satu perbincangan lain bagi memberi takrif siapakah Melayu itu menjadi amat relevan.

Selain daripada gagasan dan idea garapannya dalam buku ini juga terlampir lima lampiran yang dipilih khusus sesuai dengan tajuk buku ini, iaitu pertama Ucapan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein pada Majlis Perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16 Ogos, 1971; kedua Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Majlis Pelancaran Rancangan Pemasarakatan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 1 Ogos 1988; ketiga Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada upacara Perasmian Persidangan Tamadun Melayu Ke-II, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 15 Ogos, 1989; keempat ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada majlis perasmian Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara di Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur pada 27 Mei 1991; dan terakhir Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Majlis Makan Malam Negara Malaysia Bersepadu Menjelang Tahun 2020 bertempat di Hotel Shangrila, Kuala Lumpur pada 31 Januari 1992.

Lima lampiran yang dipetik dari ucapan Perdana Menteri ini penting menjadi bahan rujukan bagi membincangkan misalnya persoalan kebudayaan kebangsaan dan perpaduan dan ini selari dengan persoalan yang menjadi mauduk perbincangan dalam buku ini.

(END)

